



**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SABAH**

KENYATAAN TAWARAN

Tender ini dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) / Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan menyertai tender berikut:

No. Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Iklan	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Tender
Tender No. JUPEM (SBH) 1/2014	Menyediakan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Udara Untuk Projek Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Di Antara Malaysia Dengan Negara Jiran Dan Ukuran Kawalan Geodetik Bagi Bahagian Pemetaan Topografi Sabah, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).	221201 / 221206	11 Mac 2014 (Selasa)	17 Mac 2014 (Isnin) Jam 9.00 pagi Bilik Mesyuarat Bahagian Pemetaan Topografi Sabah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Blok B, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah (Kehadiran Wajib)	7 April 2014 (Isnin) Jam 12.00 tengahari

Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan nombor rujukan yang dijana oleh sistem e-Perolehan pada waktu pejabat di Unit Kewangan, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Blok B, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Jalan Karamuning, 88840 Kota Kinabalu mulai tarikh 18 Mac 2014 (Selasa).

Sila bawa **Sijil Pendaftaran Asal dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah / Kementerian Kewangan dan Air Operating Permit (AOP) daripada Jabatan Penerbangan Awam** berserta satu salinan. Nombor rujukan akan hanya dijanakan kepada wakil-wakil yang sah sahaja.

Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key in*) ke dalam **sistem ePerolehan pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 7 April 2014 (Isnin)**.

Dokumen Tender yang lengkap diisi berserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dihantar **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 7 April 2014 (Isnin)** ke **peti tender** di alamat berikut :

**Setiausaha
Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah
Perbendaharaan Malaysia Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh, 88592
Kota Kinabalu, Sabah**

Tender yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.